


| | | | |
|------------|----------------|---------|----------|
| TARIKH | 19 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 22 | RUANGAN | Setempat |

'Hadiah daripada Allah'

Warga emas bersyukur berpeluang tunai haji walaupun agak lewat selepas kerjakan umrah 12 tahun lalu



Lambaian Kaabah

KELANA JAYA: "Peluang ini amat bermakna buat saya kerana masih berkesempatan menunaikan sendiri meskipun sudah berumur dan tidak sesihat orang lain.

"Seperti diharapkan semua jemaah, begitu juga saya yang sangat menginginkan haji mabrur," kata Samad Ripin, 73.

Dia antara jemaah haji musim 1433 Hijrah yang ditemani menantunya, Mohd Najib Sedek, 36, untuk menunaikan tanggungjawab terbabit.

Menurutnya, walaupun gilirannya untuk mengerjakan



FOTO | Farizul Hafiz Awang

BERGURAU
...Samad (kanan) ditemani menantunya, Mohd Najib memerhatikan telatah cucunya sementara menunggu waktu pelepasan.

haji agak lewat, dia bersyukur dan berterima kasih kepada Lembaga Tabung Haji yang memberi peluang itu.

Kata Samad, ini kali kedua

dia ke Tanah Suci selepas menunaikan umrah 12 tahun lalu, namun ia dapat merasai kelainan itu memandangkan ibadat haji lebih mencabar

dan memerlukan dia melakukan pelbagai ibadat yang berbeza dengan umrah.

"Saya menyifatkan pemilihan ke Tanah Suci Makkah

sebagai 'hadiah' daripada Allah. Walaupun sudah ke sana melakukan umrah, perasaan kali ini berbeza.

"Kita boleh mengerjakan

umrah pada bila-bila masa sekiranya mempunyai kewangan mencukupi, tetapi tidak bagi haji. Ini kerana walaupun mempunyai wang yang cukup, tidak semua berpeluang mengerjakannya kerana perlu mengikut giliran ditetapkan Tabung Haji," katanya.

Katanya, dengan kehadiran menantu di sampingnya ketika menyempurnakan ibadat itu, dia tidak khuatir dengan keadaan kesihatannya memandangkan faktor usia agak membataskan pergerakannya.

"Saya berharap menantu bersabar ketika melayan saya di sana dan berharap segala-galanya selamat pergi dan kembali," katanya.

Bagi Mohd Najib, menjaga keselamatan ayah mentuanya sepanjang berada di Tanah Suci menjadi amanah buatnya walaupun dia juga perlu melaksanakan ibadat itu sebaik mungkin.